

'Pembantu rumah di lokasi selamat'

Mangsa sudah dihantar ke hospital untuk pemeriksaan

Oleh Shaarani Ismail
shaarani@bh.com.my


Ipoh: Pembantu rumah warga Indonesia yang didakwa dirogol majikannya yang juga EXCO Kerajaan Negeri Perak kini ditempatkan di lokasi selamat.

Ketua Polis Perak, Datuk Razarudin Husain, berkata mangsa yang berusia 23 tahun itu akan ditempatkan di lokasi berkenaan sehingga kertas siasatan menegenainya dirujuk ke Ibu Pejabat Polis Bukit Aman dan Timbalan Pendakwa Raya.

"Polis sudah menjalankan siasatan dengan merakam percakapan mangsa dan menghantar mangsa ke hospital untuk pemeriksaan doktor.

"Berdasarkan bukti awal siasatan, pihak polis mengklasifikasikan kes itu mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Razaruddin berkata, polis turut merakam percakapan beberapa saksi berkaitan termasuk



Berdasarkan bukti awal siasatan, pihak polis mengklasifikasikan kes itu mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan.

Razarudin Husain, Ketua Polis Perak

ahli keluarga EXCO berkenaan. "Bagi melengkapkan siasatan, polis membuat tangkapan terhadap EXCO berkenaan semalam (kelmarin) dan juga membuat pemeriksaan doktor terhadap suspek bagi tujuan siasatan.

"Suspek kemudiannya dibebaskan dengan jaminan polis sementara siasatan dilengkapkan," katanya.

Media kelmarin melaporkan, seorang pembantu rumah warga Indonesia mendakwa dicabul oleh majikannya yang juga seorang EXCO Kerajaan Negeri Perak.

Wanita itu membuat laporan polis Isnin lalu selepas dicabul majikannya berusia sekitar 40-an sehari sebelum itu di sebuah kediaman di Meru, Jela-pang, Perak.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam, Hal Ehwal Bukan Islam dan Kampung Baharu Perak, Paul Yong Choo Kiong mendakwa tuduhan merogol pembantu rumahnya sebagai palsu.

Choo Kiong, 49, yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tronoh mewakili DAP berkata, beliau amat terkejut dan keliru dengan tuduhan itu.

"Saya ingin menafikan sekeras-kerasnya atas tuduhan yang tidak berasas itu.

"Saya ingin menekankan bahawa saya langsung tidak pernah merogolnya, mencabul kehormatannya atau melakukan apa-apa gangguan terhadap dia (pembantu rumah berkenaan)," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan melalui aplikasi WhatsApp kepada media Perak di sini, semalam.

Choo Kiong berkata, bagi membersihkan dirinya daripada pertuduhan bersifat fitnah berkenaan, beliau sudah pun memberikan kerjasama sepenuhnya kepada polis.

Beliau juga membawa saksi untuk membantu siasatan bagi menunjukkan bahawa pertuduhan itu adalah fitnah semata-mata.

Katanya, pada masa sama, beliau menghormati proses undang-undang yang sewajarnya dan mempercayai polis akan menjalankan siasatan secara profesional dan telus.



Keratan akhbar BH semalam.